

HDC sasar 50,000 syarikat ada sijil halal



PERBADANAN Pembangunan Halal (HDC) menyasarkan 50,000 syarikat di negara ini memiliki sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menjelang 2030.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) HDC, Hairol Ariffien Sahari berkata, setakat ini 10,000 syarikat memiliki sijil halal.

Sehubungan itu, katanya, HDC sedia membantu syarikat mendapatkan sijil halal dengan memberikan latihan dan khidmat nasihat sebelum permohonan dikemukakan kepada Jakim.

"Sebaiknya datang ke HDC untuk mendapatkan latihan dan khidmat nasihat bersesuaian sebelum memohon dengan Jakim atau Jabatan Agama Islam Negeri.

"Dengan kaedah ini, permohonan sijil halal lebih lancar pada masa akan datang.

"Sijil halal membantu meningkatkan pasaran baharu lebih meluas dan nilai tambah kepada operasi syarikat," katanya pada majlis perasmian penutup Jelajah Halal Malaysia (JHM) 2022 Pahang di sini, semalam.

Majlis penutup itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Pahang, Datuk Norolazali Sulaiman yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Matlamat utama program JHM 2022 bertujuan menggalakkan penyertaan usahawan dalam perniagaan halal.

Ia juga membantu usahawan tempatan mendapatkan maklumat berkaitan industri halal, bantuan dari segi produk perbankan Islam dan takaful, pematuhan berkaitan pensijilan halal serta maklumat mengenai pembangunan dan latihan halal.

Sementara itu, melalui teks ucapan Menteri Besar yang dibacakan Norolazali, Pahang bersedia menjadi hab makanan halal antarabangsa.

Katanya, ia membabitkan penjenamaan, pemprosesan dan pemasaran makanan halal dengan terbinanya Taman Halal Pahang di kawasan perindustrian Gambang, di sini.

"Ini kerana industri makanan halal mempunyai peluang sangat besar apabila Malaysia sahaja sebagai pasaran domestik tersedia untuk makanan halal yang penduduk majoritinya beragama Islam.

"Justeru, usahawan menggunakan sepenuhnya kemudahan disediakan di Taman Halal Pahang untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"Pada masa sama, saya berharap HDC membantu meningkatkan promosi Taman Halal Pahang yang bukan sahaja untuk usahawan tempatan tetapi menarik lebih ramai pelabur datang ke Pahang," katanya.

Disiarkan pada: Julai 22, 2022 @ 7:00am